

NAMA :

TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5**TAHUN 2021****MODUL 1****BAHASA MELAYU****KERTAS 2****DUA JAM TIGA PULUH MINIT****JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

Arahan kepada murid:

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi soalan **Bahagian B**, **soalan 8** berdasarkan teks novel *Tingkatan 4 dan 5*.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	6	
	2	6	
	3	13	
	4	6	
	5	4	
B	6	12	
	7	13	
	8	10	
C	9	30	
JUMLAH		100	

Modul ini mengandungi 14 halaman bercetak

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**[35 markah]****Soalan 1 : Morfologi**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua perkataan yang menerima imbuhan apitan dan dua perkataan yang menerima imbuhan akhiran. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Golongan guru dan pelajar mengalami kejutan apabila tidak dapat mengikuti proses pembelajaran di dalam kelas seperti kebiasaan. Kebanyakan pelajar memang seronok kerana tidak perlu menghadiri kelas. Namun begitu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan para guru dan pelajar mengalami tekanan. Guru terpaksa memikul bebanan untuk melengkapkan pelaporan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di rumah secara dalam talian setiap hari.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kebiasaan Baharu: Pembelajaran Dalam Talian
oleh Jeniri Amir
Dewan Siswa, Bil 1/2021

[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan jenis ayat bagi ayat yang bergaris di bawah sama ada ayat seruan, ayat penyata, ayat tanya atau ayat perintah.

- Aiman : Ganesh, saya telah ditawarkan untuk belajar di universiti. (i)
Ganesh : Tahniah, hebatnya awak! (ii)
Aiman : Awak pula bagaimana? Awak sudah dapat keputusannya?
Ganesh : Saya tidak senasib dengan awak. Keputusan SPM saya kurang memberangsangkan.
Aiman : Awak tidak perlu berasa sedih (iii).
Tentu ada peluang lain nanti.
Ganesh : Adakah awak mempunyai simpanan untuk menyambung pelajaran nanti? (iv)
Aiman : Saya akan menggunakan duit simpanan yang saya simpan sejak kecil.
Ganesh : Oh, awak sangat beruntung kerana mempunyai duit simpanan sendiri.

Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

*Petikan di bawah mengandungi **11 kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada **11 kesalahan** yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Filem bukan sekadar alat hiburan semata-mata tetapi berperanan kuat dalam binaan bangsa dan bahasa. Bahasa yang baik dan halus budi pekertinya akan mampu mengurangkan amarah dan gelojak kebencian yang bersarang di hati. Hal ini sepatutnya menjadi panduan pada masyarakat bagi mengelakkan situasi yang lebih buruk disebabkan oleh komunikasi yang salah serta ungkapan dan panggilan yang tidak sepatutnya diucapkan kepada seseorang sama ada dikenali atau pun tidak. Mutahir ini, ramai orang yang mengabaikan kaedah berbahasa yang betul dan bersusila sama ada dalam bentuk lisan, tulisan atau pun tutur bicara. Kewujudan media sosial secara atas talian pada masa kini telah menjadi medan untuk berkomunikasi secara jelik apabila ungkapan dan tulisan keji semakin hari makin berleluasa tanpa batas yang boleh menjemput permusuhan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kesantunan Berbahasa dalam Filem P. Ramlee
oleh Nazri Hussein, *Pelita Bahasa* Bil 1/2021,
Dewan Bahasa dan Pustaka

[11 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, "Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?"

Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu."

Dipetik daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan.*

Perpaduan rakyat merupakan kunci keharmonian negara. Sikap saling bertoleransi perlulah sentiasa dipupuk dalam kalangan masyarakat. Selain itu, rakyat perlu sedar bahawa sikap ekstrem dan pentingkan diri hanya akan menyukarkan usaha kerajaan untuk melaksanakan agenda perpaduan. Sebarang persengketaan yang timbul tidak akan menguntungkan mana-mana pihak.

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**[35 markah]****Soalan 6: Petikan Umum**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pendidikan merupakan prasyarat peningkatan status sosioekonomi individu dan isi rumah, serta mutu kehidupannya. Kajian Jeanne Chall membongkar bahawa terdapat satu hubungan rapat dan eksklusif antara pendidikan dan membaca. Maksudnya seseorang yang berpendidikan tinggi akan mudah untuk lebih membaca dan seseorang yang banyak membaca akan mudah ke arah berpendidikan tinggi. Jelas bahawa membaca memangkin dan memperkukuh pendidikan seseorang dan sebaliknya.

Buku mampu membawa pembaca ke dimensi berbeza seterusnya melatih daya imaginasi kreatif serta perkembangan emosi EQ pembaca. Dimensi lain ini membawa pembaca menerokai pengalaman maya yang mungkin tidak dapat dirasai dalam kehidupan sehariannya, serta mencanangkan perspektif alternatif untuk melihat dunia melalui kaca mata yang berbeza.

Dipetik dan diubahsuai daripada
<https://www.astroawani.com/gaya-hidup/memupuk-budaya-membaca-ke-arah-kecemerlangan-negara-120293>

Bahan 2

"Membaca ibarat jambatan ilmu yang memberikan keluasan kefahaman dan pengetahuan tentang sesuatu perkara baharu. Ilmu itu ibarat pelita hati atau pelita hidup yang menerangi kehidupan, memberikan kepuasan dan iktibar untuk menelusuri kehidupan pada masa hadapan. Buku umpama universiti yang membina ruang pembelajaran sepanjang hayat kepada pembaca. Tanpa azam dan disiplin kuat, budaya membaca akan terbiar begitu sahaja. Semua orang perlu membaca sama ada ibu bapa, guru ataupun pentadbir sekolah untuk memberikan dorongan dan suri teladan kepada generasi muda supaya gemar membaca." #MalaysiaMembaca.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Universiti Sepanjang Hayat'
 oleh Chai Loon Guan, Munsyi Dewan (Bahasa),
Pelita Bahasa, Bil.1 2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *memperkukuh pendidikan*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan membaca kepada seseorang individu.
[3 markah]
- (iii) Amalan membaca semakin dipandang sepi oleh masyarakat.
Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyebabkan masyarakat kurang mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan?
[3 markah]
- (iv) Akibat pengaruh telefon pintar, rakan baik anda sudah tidak lagi gemar membaca buku.
Apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk memberi kesedaran kepadanya?
[4 markah]

Soalan 7 : Petikan sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Lantas, berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. "Buku ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada belenggu penjajah. Lebih kurang 500 tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri. Hak dan maruah kita dicabul, Mel."

Cerita Bonda suatu hari tatkala saya asyik membelek-belek kitab-kitab lama bertulisan Jawi di dalam almari yang memperincikan sejarah asal usul bumi mewah ini. Saya pandang mata bonda dalam-dalam mencari pengertian sebenar saya anak generasi baharu yang belum mengerti segala-galanya itu. Saya faham Bonda hanya ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam diri saya. Semangat cinta akan bangsa sendiri kian terhakis dalam jiwa anak-anak generasi material ini. Harapan Bonda moga-moga saya menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya yang sendiri sedikit, demi sedikit mula terhakis di tanah air sendiri.

Dipetik daripada cerpen "Munsi"
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Gelanggang

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih
lima dekad yang lalu
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat
dan air mata
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat
berpadu
kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati
kita mempertahankan kaedaulatan watan dari anasir jahat
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
hati nurani
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
gelanggang
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
agar kecemerlangan tercerna di persada arena
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Onn Malini
Pohon Tradisi, 2012
Gapeniaga Sdn.Bhd.

Bahan 3

Pantun Sayangi Negaraku

Minum air sambil duduk,
Makan nasi bersama kari;
Jati diri haruslah dipupuk,
sayangi negara sentiasa di hati.

Masuk ke hutan mencari rotan,
Untuk dijual di Pekan Sani;
Saling memahami jadikan amalan,
Agar negara makmur dan harmoni.

Naik rakit menuju ke hulu,
Mendayung rakit menggunakan galah;
Jangan kita berfikiran melulu,
Bersatulah untuk menyelesaikan masalah.

Pagi-pagi makan capati,
Makan bersama dengan teh halia;
Rukun negara wajar dipatuhi,
Meningkatkan kecintaan pada negara.

Sumber : Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menangkis tohmahan*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan** bahan, nyatakan tanggungjawab rakyat dalam mempertahankan kemerdekaan negara.

[4 markah]

- (iii) Sambutan Hari Kemerdekaan merupakan salah satu usaha kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan oleh pihak sekolah untuk menjayakan program Sambutan Hari Kemerdekaan tersebut?

[3 markah]

- (iv) Anda telah menonton dokumentari tentang seorang tokoh kenegaraan terkenal di negara kita.

Berdasarkan pengamatan anda, apakah ciri-ciri kepimpinan yang boleh diteladani daripada tokoh tersebut

[4 markah]

Soalan 8 : Novel

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah kelima-lima tetamu itu pulang, aku membantu nenek di dapur mengemas dan membasuh pinggan mangkuk, juga menyediakan makan malam. Kulihat wajah nenek sedikit pun tidak beriak, tetap tenang seperti warna malam yang sekata, diterangi cahaya bulan separuh. Akan tetapi, daripada cara tangan nenek yang bekerja tidak teratur, pinggan diletaknya di tempat yang bukan sepatutnya, sudu dan gelas pula diletaknya di dalam belanga, menunjukkan hati nenek sedang bergelora oleh sesuatu.

Aku teringin menyentuh jemari nenek yang sedang bekerja, menenangkannya tetapi aku fikir cara itu hanya akan menambahkan kegusarannya. Lantas aku duduk di kerusi memerhatikan nenek.

Dipetik daripada *Novel Jendela Menghadap Jalan*
oleh Ruhaini Matdarin
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Bagaimanakah 'aku' tahu bahawa nenek dalam keadaan gusar?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iii) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (iv) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

Pelbagai kisah dan peristiwa yang digarap oleh pengarang dalam sesebuah novel dapat menimbulkan kesan di hati pembaca.

Berdasarkan novel yang anda kaji, jelaskan dua peristiwa dan sebab –sebab peristiwa tersebut menyentuh perasaan anda.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9**

Baca petikan dan syair di bawah dengan teliti. Kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan syair.

Bahan 1: Petikan

Kerja sambilan merujuk kerja yang dilakukan secara sementara bagi tujuan menambahkan pendapatan atau membantu meringankan beban kehidupan keluarga. Selain itu, terdorong untuk hidup mewah merupakan antara punca pelajar bekerja sambilan. Bagi mereka, wang tambahan diperlukan untuk memenuhi kehendak mereka. Biarpun kebanyakan pelajar menjadikan alasan desakan hidup sebagai alasan mereka melakukan kerja sambilan, masih terdapat segelintir pelajar yang melakukan kerja sambilan hanya kerana mereka ingin mengikut gaya hidup semasa.

Menurut kajian, pelajar dipercayai mampu membentuk personaliti yang menarik melalui pergaulan dengan majikan, rakan sekerja dan pelanggan semasa bekerja sambilan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka perlu patuh pada arahan, menepati masa dan berinteraksi secara baik dengan pelanggan sepanjang waktu bekerja. Berbanding rakan seusia, pelajar yang bekerja sambilan juga akan lebih matang dalam menguruskan diri. Jalak dimanfaatkan peluang keemasan sebegini, remaja yang bekerja sambilan akan lebih bijak membahagikan masa berbanding rakan-rakan mereka yang lain. Bukan itu sahaja, pengalaman bekerja sambilan juga dapat membakar semangat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan kelak.

Walau bagaimanapun, tidak salah mempersiapkan diri dengan kemahiran yang secukupnya melalui kerja bekerja sambilan. Seseorang remaja itu perlu sedar akan kemampuan, kekuatan dan kelemahan diri dalam mengimbangi antara belajar dengan bekerja sambilan. Jangan terlalu mengejar kemewahan sendiri sehingga mengabaikan pelajaran sebagaimana yang berlaku pada sesetengah remaja kerana golongan muda merupakan tonggak kemajuan negara pada masa hadapan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 "Remaja dan Kerja Sambilan"
 Oleh Athma Zuriantee Ahmad Zubir
 Dewan Siswa, Jun 2020

Bahan 2: Syair

Syair Panduan Untuk Para Remaja**Oleh : Harun Mat Piah (Penyelenggara)**

Ingat pesanku wahai belia,
 Jangan berdusta jangan perdaya,
 Jangan fikir kasihkan kaya,
 Jangan boros yang sia-sia.

Jangan mengata jangan mengeji,
 Jangan aniaya bengis dan benci,
 Jangan takbur diri dipuji,
 Jangan sekali mungkir janji.

Judi dan arak jangan biasa,
 Lucah dan cabul jangan selesa,
 Usah bertemu ular yang bisa,
 Lambat bangatnya dapat binasa.

Jangan meminjam jangan berhutang,
 Jangan meminta bantu sementang,
 Bergantung pada orang hendaklah pantang,
 Bebas kehidupan sentiasa tatang.

Meminta jangan meminjam pun jangan,
 Barang dipinjam kerap kehilangan,
 Sahabat peminjam renggang di tangan,
 Hutang merosakkan mut'ah pandangan.

Jangan biasakan meminta tolong,
 Ke sini tersembah, ke sana terlolong,
 Ikhtiar sendiri bantut bergulung,
 Akhirnya kebolehan lenyap terlelong.

TAMAT